

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status 800 kandungan pendidikan yang telah diberikan kepada *Radius One* untuk digunakan oleh TV Pendidikan. Apakah insentif yang diberikan kepada para guru yang terlibat di dalam menyediakan bahan-bahan untuk kegunaan DidikTV.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menandatangani kontrak perjanjian melalui tender terbuka dengan Syarikat Radius One pada 20 Mei 2020 bagi menyiapkan 800 kandungan video pendidikan. Kontrak ini telah berakhir pada 30 November 2020 dan dilanjutkan sehingga 31 Mac 2021 setelah KPM mengambil kira kesan pelaksanaan PKP kepada jadual penerbitan.

Kesemua 800 video seperti yang terdapat dalam kontrak antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Radius One telah disiapkan dengan lengkap dan diterima oleh KPM pada 15 Mac 2021. Sehingga 20 September 2021, sebanyak 403 buah video telah disiarkan di pelbagai saluran, antaranya, TV Okey RTM, Astro Tutor TV dan NTV7 (sebelum DidikTV KPM dilancarkan) dan DidikTV KPM manakala baki 397 buah video akan disiarkan dari semasa ke semasa berdasarkan jadual yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insentif diberikan kepada guru-guru yang terlibat dalam penerbitan video pengajaran dan pembelajaran untuk siaran saluran khusus DidikTV KPM. Insentif ini merupakan bayaran perkhidmatan ikhtisas yang dibayar oleh pihak Media Prima Berhad (MPB) seperti yang telah dipersetujui dalam kontrak antara KPM dengan pihak MPB. Selain itu, pihak MPB juga membayar tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran menjalankan tugas rasmi kepada guru berdasarkan tuntutan serta kadar yang dimuktamadkan dalam kontrak. Guru yang terlibat juga diberikan sijil penghargaan oleh pihak KPM.